

Kes seleweng wang zakat turut berlaku di Selangor

RDSW 18/1/2024 M/S:9

SHAH ALAM – Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengakui terdapat kes penyelewengan wang zakat berlaku di negeri berkenaan walaupun jumlahnya tidak banyak.

Pengerusi MAIS, Tan Sri Abdul Aziz Mohd. Yusof berkata, pihaknya telah mengambil beberapa langkah terutama kepada mereka yang melakukan kutipan

zakat bagi Lembaga Zakat Selangor (LZS) agar insiden sedemikian tidak berulang.

"Kita dengar baru-baru ini dalam laporan media, ada satu majlis agama Islam negeri yang wang zakatnya diselewengkan dalam jumlah yang besar, tidak dimasukkan ke dalam lembaga zakat mereka.

"(Kes ini juga) berlaku di Se-

langor tetapi tidak banyak. Kita sudah buat laporan polis berhubung kes ini," katanya selepas Majlis Perutusan Pengerusi MAIS bagi tahun 2024 di sini semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan secara spesifik jumlah penyelewangan wang zakat itu.

Katanya, Selangor merupakan negeri yang paling ramai pembawa

yar zakat, jadi MAIS perlu menguruskan wang zakat dengan baik supaya orang ramai yakin dengan badan itu.

"Setiap sen wang zakat yang dibayar umat Islam akan diberikan kepada pihak yang layak menerima wang tersebut," ujarnya.

Sebelum ini, kejadian seumpamannya dikesan berlaku di Perak melibatkan pasangan suami is-

teri yang ditanah menyeleweng kutipan zakat Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak (MAIPk) sebanyak RM9.62 juta.

Pasangan berkenaan yang masing-masing berusia 50 dan 53 tahun itu bagaimanapun dibebaskan dengan jaminan bon sebanyak RM50,000 setiap seorang selepas ditahan bermula 6 Januari lalu.